



Antara anugerah diperoleh Wan Fakhru Syakirin (kiri).

## Jatuh hati pada dunia fasilitator

**N**iat awal Wan Fakhru Syakirin Wan Abd Aziz, 25, berkecimpung dalam dunia fasilitator sekadar untuk mencari wang saku, namun minat itu berubah menjadi serius apabila mendapati ceramah motivasi disampaikan berjaya memberi kesan positif terhadap pelajar sekolah.

Keberhasilan membantu perubahan mereka ke arah lebih baik menyebabkan mahasiswa tahun kedua program Bachelour Sastera Bahasa Inggeris (Linguistik) di Universiti Putra Malaysia (UPM) itu semakin mencintai peranan berkenaan.

Beliau berkata, kebanyakan pelajar yang menghadiri sesi motivasi adalah mereka yang bermasalah disiplin

### info

#### Wan Fakhru Syakirin Wan Abd Aziz

Umur: 25 tahun  
Tarikh lahir: 9 Oktober 1991  
Tempat lahir: Johor  
Pendidikan: Bachelour Sastera Bahasa Inggeris (Linguistik), UPM

pada mulanya tetapi kemudian berusaha memperbaiki diri sehingga mampu berubah.

#### Impak positif

"Saya menjadi fasilitator sejak tahun 2010 ketika mengikuti program Diploma Pengajian Bahasa Inggeris di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), sekadar untuk menambah duit poket.

"Lama-kelamaan, saya jatuh hati pada bidang itu apabila melihat impak positif ke atas pelajar sekolah yang mengikuti ceramah motivasi.

"Bagaimanapun, bukan mudah untuk mengubah fikiran atau menaikkan semangat seseorang, lebih lagi dalam perkara membabitkan kehidupan peribadi," katanya.

Wan Fakhru Syakirin

yang sering mengikuti ceramah pakar motivasi terkenal negara, Datuk Dr Mohd Fadzilah Kamsah, kini berstatus jurulatih dan boleh mengendalikan slot sendiri tanpa bergantung kepada pihak lain.

#### Utamakan pelajaran

Sehubungan dengan itu, beliau menerima semakin banyak jemputan berbanding hanya menjayakan sesi ceramah pada hujung minggu sebelum ini.

"Bagi mengelakkan pengajian terabai, saya akan menolak jemputan membabitkan waktu kuliah kerana yakin bahawa pelajaran adalah paling utama.

"Alhamdulillah, saya berjaya mengekalkan pencapaian purata nilai gred kumulatif (PNGK) 3.7," katanya.